

TARIKH	10 / 06 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	1 & 14	RUANGAN	

## Jemaah terkandas mahu lapor polis

**Sepang:** "Selama terkandas di sana, saya kehabisan bekalan ubat dan terpaksa membeli ubat tambahan menggunakan duit sendiri. Walaupun sudah banyak kali minta bantuan daripada wakil syarikat, permintaan kami tidak dilayan."

Demikian, kata penghidap penyakit tulang belakang dan asma kritikal, Johari Chik, 69, (gambar) antara jemaah umrah yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Jeddah semalam selepas terkandas di Madinah sejak 1 Jun lalu akibat tiada tiket pulang ke Malaysia.



### Tertarik harga murah

Beliau yang berkerusi roda, memilih syarikat berkenaan disebabkan tertarik dengan harga yang murah semata-mata kerana ingin mengerjakan

umrah bersama lima ahli keluarganya.

"Saya memang rasa tidak sedap hati sejak awal lagi kerana penerbangan kami ke sana beberapa kali ditunda dan tiada tiket penerbangan pulang tetapi kerana terlalu rindu untuk ke Tanah Suci, saya pergi juga. Tidak sangka begini jadinya.

"Saya akan buat laporan polis supaya perkara ini disiasat. Jika pihak syarikat ini benar-benar tidak bersalah, kami terima, tetapi jika ada unsur penipuan, mereka sepatutnya menerima hukuman yang setimpal," katanya ketika ditemui pemberita, di sini semalam.

© Nasional 14

## Pengalaman paling teruk tunai ibadah ke Tanah Suci



Sebahagian jemaah umrah yang terkandas di Madinah sejak 1 Jun lalu tiba di KLIA, semalam.

### ○ Dari muka 1

Johari adalah antara 121 jemaah umrah terkandas di Madinah yang selamat tiba di KLIA, di sini tepat jam 6.10 petang semalam.

Mereka yang dibawa pulang menaiki penerbangan Flynas XY0002, dari Jeddah dengan bantuan Biro Kebajikan UMNO itu adalah baki 268 rakyat Malaysia yang berlepas ke Tanah Suci Makah pada 21 Mei lalu menerusi pakej umrah berjumlah RM3,700.

Ketibaan mereka disambut Pengerusi Biro Kebajikan UMNO yang juga Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Difahamkan, jemaah yang terbabat tidak dibekalkan dengan tiket penerbangan untuk kembali ke Malaysia manakala wakil agen-

si pelancongan pula didakwa meninggalkan jemaah dan pulang awal ke ibu negara.

### Perbelanjaan sendiri

Selain 121 jemaah umrah yang dibawa pulang dengan bantuan Biro Kebajikan UMNO, baki 147 lagi jemaah umrah yang terkandas itu sudah pulang ke tanah air dengan usaha dan perbelanjaan sendiri.

Seorang jemaah, Seripah Tahir, 57, berkata ini pengalaman paling teruk pernah dirasainya untuk menunaikan ibadah ke Tanah Suci.

"Saya tahu, ini dugaan Allah, tetapi kita perlu siasat perkara sebenar-apa yang berlaku. Kita tidak mahu ada lagi pihak lain yang terkena lagi jika mereka menipu. Selepas ini, saya akan lebih berhati-hati jika mahu memilih pakej umrah," katanya.